

21/02/1998

Radio, TV perlu sebar kesedaran IT ke desa

KUALA LUMPUR, Jumaat - Radio dan televisyen swasta di negara ini diminta membantu kerajaan mempertingkatkan kempen kesedaran teknologi maklumat (IT), terutama di kawasan luar bandar.

Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan, Jamal Salimin, berkata stesen radio dan televisyen swasta diharap dapat membantu stesen televisyen dan radio kerajaan untuk mempertingkatkan usaha itu.

"Saya yakin usaha ini jika dapat dilakukan secara bersama mampu memberi kesan lebih positif terhadap kempen kesedaran IT yang dilaksanakan," katanya ketika ditemui selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Kempen Kesedaran IT di Wisma TV, di Angkasapuri hari ini.

Selain Kementerian Penerangan, Jawatankuasa Kempen Kesedaran IT itu turut dianggotai Persatuan Industri Komputer Malaysia (Pikom), Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar, Taman Teknologi Malaysia (TTM), Mimos Bhd dan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (Finas).

Jamal berkata, publisiti untuk kempen itu oleh media kerajaan setakat ini memuaskan dan usaha mempertingkatkannya akan dibuat berdasarkan input daripada agensi kerajaan dan swasta terbabit.

"Semua jentera di bawah kementerian di peringkat daerah dan negeri, termasuk Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) dan Jabatan Penerangan sudah digerakkan bagi menjayakan usaha itu," katanya.

Menurutnya, kementerian juga sudah menyusun rancangan jangka pendek dan jangka panjang sehingga tahun 2000 bagi menjayakan kempen itu dengan tumpuan diberi di kawasan luar bandar.

"Ini kerana penduduk di kawasan luar bandar lambat memahami, menghayati dan membuat keputusan untuk guna komputer sebagai sebahagian daripada kehidupan," katanya.

Mengenai dakwaan yang mengatakan kempen yang dijalankan sekarang membuang masa dan membazir kerana tidak praktikal, Jamal berkata kementerian akan membuat soal selidik mengenai kesan daripada kempen kesedaran yang sudah dijalankan.

"Tunggu selepas enam bulan kita akan jalankan satu soal selidik mengenai kesan daripada kempen yang sudah dilaksanakan," katanya. Kempen kesedaran IT dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Oktober tahun lalu.

Menurut Jamal, kementerian juga akan meminta kerjasama agensi kerajaan lain terutama yang bergiat cergas di kawasan luar bandar seperti Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar bagi menjayakan kempen kesedaran itu.

"Mungkin kerjasama itu akan kita laksanakan pada tahap kedua nanti," katanya sambil menyatakan beberapa kempen seperti pameran IT di peringkat negeri mendapat sambutan menggalakkan daripada penduduk luar bandar.

Mengenai peruntukan untuk menjayakan kempen itu, beliau berkata, berikutan masalah ekonomi sekarang jumlah peruntukan agak berkurangan berbanding tahun lalu.

Bagaimanapun, katanya, sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) banyak membantu dari segi menyediakan kepakaran dan kemudahan komputer dalam kegiatan yang diadakan di peringkat negeri.

(END)